



**THOMAS** Lau (tengah) bersama Syntio (kiri) dan Baldev bergambar di kawasan dataran di mana pesta Tahun Baharu Cina itu akan diadakan pada 26 Januari ini.

## Harbour Square anjur pesta Tahun Baharu Cina

Oleh. **NOORASVILLA MUHAMMA**

[noorasvilla@yahoo.com](mailto:noorasvilla@yahoo.com)

**SANDAKAN:** Pihak pengurusan Harbour Square Sandakan mengalu-alukan kehadiran penduduk di daerah ini untuk memeriahkan penganjuran pesta sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang diadakan pada 26 Januari ini.

Konsultan Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Kerajaan (Malaysia Timur), ICSD Ventures Sendirian Berhad, Thomas Lau berkata pesta yang diadakan di dataran bersebelahan pusat beli-belah itu akan diserikan dengan persembahan tarian singa, naga dan unikon.

“Pesta berkenaan bukan sahaja akan menyemarakkan lagi sambutan Tahun Baharu Cina di daerah ini, malah ia sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan serta sokongan masyarakat setempat terhadap Harbour Square Sandakan,” katanya kepada pemberita dalam satu perjumpaan di sini, kelmarin.

Menurutnya, Harbour Square Sandakan yang menempatkan Hotel Four Points oleh Sheraton dan Pusat Beli-Belah Harbour Sandakan dijangka beroperasi dalam tahun ini.

Sebagai permulaan, katanya, tempat letak kereta di bangunan tersebut akan mulai dibuka kepada umum pada bulan depan selepas kerja-kerja pemeriksaan keselamatan oleh pihak berkaitan selesai dijalankan.

“Dengan mempunyai hampir 1,000 lot parkir, kami berharap kemudahan ini mampu menangani masalah kekurangan tempat letak kereta di bandar Sandakan sekaligus mengelak masalah parkir bertindih,” katanya.